



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL KRAF PERAK 2025

TELUK INTAN, 28 OGOS 2025- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan Festival Kraf Perak (FKP) 2025 bermula pada 28 Ogos hingga 7 September 2025 mulai jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam bertempat di Dataran Menara Condong, Teluk Intan, Perak.

Penganjuran festival ini bertujuan bagi menyediakan platform kepada usahawan kraf untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf Malaysia kepada masyarakat tempatan dan pelancong serta meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap produk kraf beridentitikan Malaysia.

FKP 2025 berlangsung selama 11 hari melibatkan 55 orang usahawan kraf yang mengetengahkan jualan produk kraf tekstil, hasil rimba, hasil tanah, hasil logam dan aneka kraf. Festival ini juga menjadi platform pertemuan usahawan kraf dengan pembeli dari dalam negara seperti syarikat pengeksport barangan berkaitan kraf, agensi Kerajaan, syarikat perhotelan dan pusat beli belah.

Pelbagai pengisian aktiviti menarik yang disediakan kepada pengunjung seperti Padanan Perniagaan, Jualan Produk Kraf, Pameran Produk Kraf Baharu, Pameran Institut Kraf Negara, Pengembangan Ilmu (Aktiviti Interaktif Kraf dan Fun Craft), Aktiviti Galakan Pengunjung (Pertandingan Teka Berat Keranjang Kraf, Street Soccer, Bilah Tajam, Gusti Lengan, Pertandingan Mewarna Kanak- Kanak, Doodle Art, Musang Berjanggut (Manik) dan Kolaj Merdeka), Persembahan Kesenian dan Lawatan Berpandu Berkumpulan.

Selain itu, pengunjung berpeluang menyaksikan aktiviti Demonstrasi Kraf yang merupakan salah satu aktiviti perkongsian pengetahuan kepada pengunjung berkaitan seni kraf tempatan. Antara aktiviti demonstrasi kraf yang diadakan seperti Anyaman Kelarai, Anyaman Mengkuang, Seramik dan Tekatan Benang Emas. Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi Kraftangan Malaysia Cawangan Perak di talian 05-7576200.

-TAMAT-